

Kemasukan Pas dalam BN belum difikir lagi — PM

UM 31 MAY 1991

KOTA BAHARU 30 Mei — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, buat masa ini beliau belum lagi memikirkan soal kemasukan semula Pas dalam Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan sama ada Pas akan diajak kembali dalam Barisan Nasional selepas perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin tiga peringkat, Bahagian, Pemuda dan Wanita di Bangunan UMNO di sini petang ini.

"Pekara ini belum terfikir lagi," ujarnya ringkas.

Menjawab pertanyaan lain, Perdana Menteri berkata, beliau tidak berbincang apa-apa dengan Menteri Besar, Haji Nik Aziz Nik Mat

semasa di upacara perasmian Jambatan Pasir Mas-Salor pagi tadi selain daripada menanyakan soal iklim, cuaca dan ini perkara biasa sahaja.

Ditanya apakah perasaan beliau semasa berjumpa dengan Haji Nik Aziz beliau berkata, "biasa sahaja, bagus dan sebelum ini saya pernah berjumpa dia semasa menjadi ahli Parlimen dalam Barisan Nasional dulu."

Selain dari itu beliau mengulangi, Kerajaan Persekutuan akan membantu Kerajaan Negeri Kelantan mengikut sebagaimana peruntukan undang-undang dan ini sudahpun dijalankan.

Ditanya kenapa tidak dijemput

Menteri Besar berucap beliau berkata, ini acara Kerajaan Pusat tetapi mengundang beliau ke upacara itu perlu kerana beliau Menteri Besar.

Mengenai hubungan kerajaan negeri dengan Pusat, beliau berkata hubungan antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri adalah baik.

Terdahulu dari itu beliau memberitahu lawatan rasmi hari ini adalah untuk merasmikan Jambatan Pasir Mas-Salor iaitu satu projek Kerajaan Persekutuan disamping mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin UMNO tiga peringkat Bahagian, Pemuda dan Wanita